

Anwar puji keberanian aktivis

Kuala Lumpur: Penyertaan rakyat Malaysia dalam misi Global Sumud Flotilla (GSF) antarabangsa yang kini mula menghampiri zon mencabar, mencerminkan komitmen terhadap keadilan yang merentasi sempadan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, keberanian ditunjukkan aktivis antarabangsa dan Malaysia dalam misi itu menandakan pendirian kuat masyarakat global dalam menentang penindasan terhadap rakyat Palestin khususnya di Gaza.

Malah, beliau berkata, Keselamatan sosial global dan keamanan dunia tidak akan dicapai sekiranya isu kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin yang jelas sudah melanggar undang-undang antarabangsa serta melanggar prinsip kemanusiaan ini dibiarkan berterusan.

“Kita tahu pemindahan besar-besaran keluarga di Gaza yang sedang berlaku kini bukanlah akibat perubahan iklim tetapi akibat tindakan sebuah negara Zionis yang tidak menghormati undang-undang antarabangsa dan berterusan melang-

gar prinsip kemanusiaan.

“Pembunuhan beramai-ramai dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin ini wajar dilakukan tanpa kompromi.

“Ia bukan sekadar kenyataan politik, tetapi pendedahan pelanggaran hak asasi manusia serius, menjejaskan keselamatan sosial global serta hak asasi manusia untuk hidup dalam keadaan selamat, bermaruah dan mendapat akses kepada perkhidmatan asas,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Forum Keselamatan Sosial Dunia 2025, di sini semalam.